

Ibu bapa patut kawal anak obses teknologi terkini

Kemajuan dunia seiring perkembangan teknologi yang pesat membolehkan kebanyakan anggota masyarakat, termasuk kanak-kanak, memiliki pelbagai gajet. Ramai ibu bapa yang percaya anak perlu diberi pendedahan yang luas penggunaan alat teknologi masa kini.

Perkara itu memang tidak dapat dinafikan namun tanpa mereka sedari, pendedahan yang berlebihan mampu mengundang kesan

negatif. Sebenarnya, lebih banyak keburukan daripada kebaikan kepada kanak-kanak apabila penggunaan gajet tidak dikawal oleh orang dewasa.

Cetus pertengkaran

Ramai ibu bapa yang mengakui mereka menghadapi masalah untuk mengawal anak yang terlalu obses kepada gajet berteknologi seperti komputer riba, tablet, dan telefon pintar sehingga mengabai-

kan kerja sekolah.

Ada kanak-kanak tidak mahu makan dan mandi semata-mata mereka tidak mahu ketinggalan bermain permainan komputer kegemaran mereka. Ini secara langsung akan mencetuskan pertengkaran apabila arahan ibu bapa tidak diendahkan, manakala anak pula inginkan kemahuan mereka dituruti.

Dekan Fakulti Pengajian Awal Kanak-kanak, Universiti Pengurusan dan Teknologi (UMTECH), Prof Madya Dr Bustam Kamri, berkata kedegilan, kehairahan serta obsesi kanak-kanak yang keterlaluan terhadap gajet berpunca daripada ibu bapa sendiri.

Terjebak gejala negatif

Pada zaman sains dan teknologi, hiburan terdapat di mana-mana sahaja dan melalui pelbagai sumber. Kini semuanya di hujung jari, hanya dengan menekan punat komputer atau klik sahaja paparan di skrin komputer, anak akan dapat menonton dan melayari apa jua yang mereka inginkan.

Justeru, membiarkan anak menggunakan gajet sewenang-wenangnya adalah tindakan yang kurang bijak. Ini hanya akan menyebabkan mereka mudah terjebak kepada perkara negatif.

Ibu bapalah yang perlu mengawal kecenderungan anak bagi memilih dan menentukan program pilihan mereka.

Nurhidayah Abd Rahman
USIM

Ibu bapa perlu mengawal anak obses dengan gajet sehingga mengabaikan kerja sekolah.

[GAMBAR HILASAN]

